

# **BAB PERTAMA**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Kajian yang dijalankan ini adalah merupakan satu penyelidikan yang berkonsepkan wacana al-Qur'an al-Karim. Wacana al-Qur'an yang ingin diutarakan dalam kajian ini adalah satu komunikasi linguistik yang juga sebagai satu "amanat" yang dinyatakan dalam perantara kod lisan atau tulisan. Al-Qur'an yang merupakan mukjizat agung yang diturunkan oleh Allah (s.w.t.). kepada manusia sejagat melalui pesuruhNya Muhammad (s.a.w) kaya dengan wacana linguistik yang merakamkan segala peristiwa dan sejarah manusia di sepanjang zaman, di samping ia sebagai satu pertunjuk dan pedoman melalui suruhan dan larangan untuk semua umat manusia.

Al-Qur'an diturunkan sebagai memenuhi hajat dan keperluan manusia dalam setiap situasi dan keadaan. Ia membawa amanat dari Allah berupa pertunjuk serta bimbingan yang meliputi segala aspek kehidupan manusia seperti pemurniaan akidah, penyempurnaan ibadah, serta pembangunan material dan spiritual. Wacana al-Qur'an bersifat universal jika dibandingkan dengan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya. Kitab-kitab yang terdahulu seperti Taurat, Zabur dan Injil hanya difokuskan kepada sesuatu kaum, manakala risalah (mesej) al-Qur'an untuk semua umat manusia, sesuai dengan kedudukan Nabi Muhammad s.a.w sebagai pesuruh Allah yang terakhir. Sifat universal ini tidak hanya tertumpu kepada masyarakat Arab, malah untuk semua bangsa yang mempunyai pelbagai warna kulit, bahasa dan budaya. Ini dijelaskan oleh Allah menerusi firmannya:

قُلْ أَيُّ شَرٍّ أَكْبَرُ شَهَدَةٌ قُلِ الَّلَّهُ شَهِيدٌ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ وَأُوْحَى إِلَيَّ  
هَذَا الْفُرْعَانُ لِأُنذِرَكُمْ بِهِ وَمَنْ بَلَغَ أَيْنَكُمْ لَتَشَهَّدُونَ أَنَّ مَعَ اللَّهِ  
عَالَهُ أُخْرَى قُلْ لَا أَشَهَدُ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَهٌ وَاحِدٌ وَإِنِّي بَرِيءٌ مِّمَّا

تُشْرِكُونَ 

Maksudnya: “Katakanlah kepada mereka wahai Muhammad, apakah yang lebih besar persaksiannya, Katakanlah Allah sebagai saksi di antara aku dan kamu, Dan al-Qur'an ini diwahyukan kepadaku supaya dengan ia, aku dapat memberikan peringatan kepada kamu dan kepada orang-orang yang sampai kepadanya al-Qur'an. Dapatkah kamu benar-benar bersaksi bahawa ada tuhan-tuhan lain selain Allah? “Katakanlah bahawa aku tidak dapat bersaksi.” Katakanlah! “Sesungguhnya hanya Dialah Tuhan yang Maha Esa dan aku berlepas diri dari apa yang kamu persekutukan”. (Al-An'a:m, ayat 19).

Wacana al-Qur'an didatangkan dalam pelbagai bentuk dan disiplin keilmuan. Ia dapat disimpulkan dalam dua aspek, iaitu akidah dan syariah (Mahmu:d Shaltu:t, 1966 : 11). Yang dimaksudkan dengan aspek akidah adalah ajaran-ajaran yang mengatur sistem kepercayaan (keimanan) dan keyakinan setiap Muslim terhadap Allah, sedangkan ajaran syari'ah adalah suatu doktrin yang mengatur berbagai aspek kehidupan dan keperluan manusia di dunia baik dalam konteks ketuhanan maupun konteks hubungan sesama manusia. “Habl Min al-Allah dan Habl Min al-Na:s”.

Dalam menyampaikan ajaran akidah dan syari'ah, al-Qur'an menggunakan berbagai versi bahasa dan wacana. Antaranya ialah versi perkhabaran, pemberitahuan, pertanyaan, penceritaan, permintaan (doa), seruan dan sebagainya. Sebagai contoh firman Allah:

## اَلْمُتَرَكِيفُ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفِيلِ

Maksudnya: “ *Adakah tidak kamu memerhatikan bagaimana Tuhan kamu memperlakukan terhadap tentera-tentera bergajah ?*.” (Al-Fi:1 , ayat 1)

Dalam ayat di atas Allah (s.w.t) menggunakan kata tanya (أَلْمٌ) “hamzat istifha:m” yang bererti “*adakah tidak*”. Dalam surah al-Fi:1, juga Allah (s.w.t) menceritakan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) tentang peristiwa yang berlaku pada tahun keputeraan Baginda, iaitu peristiwa raja Abarahah yang ingin meruntuhkan Ka’bah, dan akhirnya dibinasakan oleh Allah dengan lontaran bola-bola api oleh burung-burung *Aba:bi:l*.

Wacana yang berbentuk penceritaan seperti di atas adalah sesuatu yang benar-benar terjadi satu “*realiti*”, boleh melahirkan nilai-nilai murni dan ketinggian martabat manusia serta kemanusiaannya. Sejajar dengan sejarah budaya manusia, al-Qur’an akan terus menjadi lambang komunikasi wacana dari pengucapan “*kalam*” Allah yang ditujukan kepada manusia meliputi pengajaran dan pedoman dari kisah tamadun manusia yang pernah dan akan wujud di alam dunia, malah di alam akhirat.

Wacana adalah unit bahasa yang melebihi batasan ayat. Ia terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian, bab, buku dan sebagainya. Semua aspek yang berkaitan dengan retorik “*balaghah*” adalah merupakan komponen yang paling penting bagi wacana. Dalam Balaghah Arab, al-Qur’an dan al-Hadith merupakan sumber yang terpenting bagi wacana di samping sumber-sumber yang lain seperti syair dan prosa Arab.

Dalam kajian wacana yang melibatkan analisis tafsir al-Qur'an, penulis memfokuskan kepada perbincangan mengenai struktur gaya bahasa wacana dan

analisis yang berkaitan dengan kupasan terhadap unsur-unsur yang bertemakan keindahan penggunaan bahasa seperti bunga bahasa, laras, susunan, isi, watak cerita dan sebagainya.

Adalah diharapkan dengan kajian ini, penyelidikan mengenai wacana akan menjadi lebih luas memandangkan wacana al-Qur'an adalah satu komunikasi bahasa yang paling unggul meliputi segenap aspek kehidupan dan sejarah ketamadunan manusia.

### **1.1. Latar belakang Kajian**

Kajian yang dijalankan ini berlandaskan realiti sejarah kehidupan dan bukannya satu dongengan purbakala atau disebut sebagai “*Asa:ti:r al-Awwali:n*”. Justeru, kajian ini adalah tertumpu kepada teks al-Qur'an itu sendiri. Dalam kajian ini, penulis akan memuatkan satu analisis wacana cerita yang terdapat dalam al-Qur'an dengan menjurus kepada surah al-Kahf. Sebagaimana yang dimaklumi, al-Qur'an merupakan satu pengucapan agung dari Allah (s.w.t) yang memuatkan pengajaran dan pedoman kepada manusia tentang perlembagaan hidup supaya menjadi insan yang sejati.

Dalam al-Qur'an, wacana cerita tertumpu kepada sejarah kehidupan para nabi dan rasul, kisah umat-umat yang terdahulu dan di sebalik kisah-kisah yang dipaparkan itu tersirat pengajaran yang amat berguna. Dalam surah al-Kahf umpamanya, terdapat empat siri kisah ajaib yang dipaparkan oleh Allah menerusi 110 bilangan ayatnya, iaitu:

- i. Kisah Penghuni-penghuni Gua “*Asha:b al-Kahf*”

- ii. Kisah Pemilik dua buah kebun tanaman. “*Sa:hib al-Jannatayn*”.
- Iii Pengembalaan Nabi Musa a.s dan Yu:sya' Ibn Nu:n untuk bertemu Khidir.
- iii. Kisah Zulqarnain.

Walaupun begitu, terdapat juga kisah perumpamaan kehidupan dunia dan sorotan kisah dan perkhabaran yang dipaparkan secara ringkas dalam satu dua ayat mengenai kaum ‘A:d dan Thamu:d dan keingkaran Iblis untuk bersujud kepada Adam (a.s), sebagaimana firman Allah;

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةَ اسْجُدُوا لِأَدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ  
مِنَ الْجِنِّ فَقَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ فَأَفْتَخَذُوهُ وَذُرِّيَّتُهُ وَأُولَيَاءَ مِنْ  
دُونِي وَهُمْ لَكُمْ عَذُّوبُونَ سَلَامٌ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا مَا  
أَشَهَدْتُهُمْ خَلْقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا خَلْقَ أَنفُسِهِمْ وَمَا كُنْتُ  
مُّتَّخِذَ الْمُضِلِّينَ عَضْدًا ﴿٥١﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat, “Sujudlah kamu kepada Adam!” Maka mereka pun sujud kecuali iblis. Dan adalah dari (golongan) jin, maka dia menderhakai perintah Tuhananya. Pantaskah kamu menjadikan dia dan keturunannya sebagai pemimpin selain Aku, padahal mereka adalah musuh-musuhmu? Sangat burukkah (iblis itu) sebagai pengganti (Allah) bagi orang yang zalim. Aku tidak menghadirkan mereka (iblis dan anak cucunya) untuk menyaksikan penciptaan langit dan bumi dan tidak (pula) penciptaan diri mereka sendiri dan Aku tidak menjadikan orang yang menyesatkan itu sebagai penolong. (Surah al-Kahf, ayat 50 –51)

Dalam ayat di atas, Allah menyatakan tentang keingkaran Iblis untuk bersujud kepada Adam a.s.. Kengganan Iblis ini menunjukkan sifat sombang dan bongkak yang menyebabkan dia menderhakai Allah. Allah juga melarang manusia menjadikan Iblis

sebagai ikutan dan pimpinan, kerana dia akan tetap menjadi musuh Adam dan keturunannya dan sentiasa berusaha untuk menyesatkan mereka.

dan firmanNya : (mengenai kemusnahan yang menimpa kaum ‘A:d dan Thamu:d disebabkan keingkaran mereka daripada menerima ajaran rasul yang diutuskan kepada mereka.

وَتِلْكَ الْقُرْيَىٰ أَهْلَكْنَاهُمْ لَمَا ظَلَمُوا وَجَعَلْنَا لِمَهْلِكِهِمْ مَوْعِدًا

Maksudnya: “*Dan( penduduk) negeri-negeri itu Kami telah binasakan tatkala mereka melakukan kezaliman dan untuk membinasakan mereka, Kami tetapkan satu waktu yang tertentu.*” (al-Kahf, ayat 59)

Walaupun ayat di atas ringkas, namun ia. mengandungi berbagai peristiwa yang pernah berlaku dalam sejarah hidup umat manusia. Dalam ayat ini, Allah merujuk kepada kisah kehancuran kampung halaman kaum ‘A:d ,Thamu:d dan lain-lainya yang terang-terang menolak ajaran yang dibawa oleh para nabi yang diutuskan kepada mereka. Kaum ‘A:d dibinasakan oleh dengan tiupan angin ribut yang kencang sehingga meranapkan segala kampung halaman, mahligai dan istana yang tersergam indah, di mana semuanya hancur menyembah bumi.

Wacana cerita atau kisah yang dinukilkan dari surah al-Kahf dan surah-surah yang lain dalam al-Qur'an menjelaskan betapa agungnya Allah dalam mentadbir alam ini bermula daripada penciptaan Nabi Adam (a.s.) hingga ke hari kiamat. Sejarah yang pernah terpahat di dada sejarah dalam tamadun kehidupan umat yang terdahulu boleh dijadikan pengajaran atau “ *i‘tiba:r* ” oleh manusia di sepanjang zaman. Ini adalah kerana sejarah umat yang terdahulu diberitakan oleh Allah dengan pelbagai kemusnahan dan keruntuhan kerana kealpaan mereka dalam mengingati Allah dan mengingkari pesuruh-pesuruh Allah.

Demikianlah antara fungsi yang diturunkan untuk membawa peringatan dan khabar gembira, menerangkan balasan syurga dan neraka, halal dan haram, perintah dan larangan cerita (kisah) dan perbandingan di samping membawa beberapa isyarat keilmuan yang mencakupi segenap aspek kehidupan manusia seperti ilmu-ilmu fizik, biologi, astronomi, kimia, kesihatan, pertanian, hidrologi, demografi, psikologi, antropologi dan sebagainya. Semuanya diungkapkan dalam al-Qur'an sebagai pedoman hidup dan kesejahteraan manusia di muka bumi. Firman Allah :

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَّيَّنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتَلَوَّ عَلَيْهِمْ عَالِيَّتِهِ وَيُئْزِّكِيهِمْ  
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلِ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ



Maksudnya: “Dialah (Tuhan) yang mengutuskan seorang kepada kaum yang buta huruf di kalangan mereka, yang membacakan ayat-ayatNya kepada mereka, menyucikan mereka dan mengajarkan kepada mereka Kitab dan Hikmah. Dan sesungguhnya mereka sebelumnya, benar-benar berada di dalam kesesatan yang nyata.” (Al-Jumu’at, ayat 2)

Dalam mentafsirkan ayat di atas, Muhammad Ra:shid Rida: (1988) menyatakan bahawa perkataan “yuzakki:him” mengandungi pengertian pendidikan melalui perbuatan dan tauladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah, dan perkataan “al-Kita:b” mengandungi pengertian tulisan, bacaan yang memuatkan ilmu-ilmu pengetahuan yang bermanfaat untuk kegunaan umat manusia seluruhnya.

## 1.2 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai analisis wacana al-Qur'an adalah amat penting dari pelbagai sudut, antaranya dari sudut balaghah atau retorik yang luas perbincangannya, di mana kajian ini membicarakan tentang gaya bahasa cerita yang meliputi struktur wacana

cerita, watak-watak cerita (tokoh-tokoh), peristiwa-peristiwa kisah, motif cerita, penggunaan perkataan, wacana lisan dan dialog-dialog yang digunakan serta keindahan penggunaan bahasa seperti yang terdapat dalam aspek ilmu *al-Ma'a:ni* (termasuk *al-Khabar* dan *al-Insha:*) di samping penggunaan aspek ilmu al-Badi: ‘yang membicarakan tentang *al-Muhassina:t* *al-Lafziyya:t* dan *al-Muhassina:t* *al-Ma'naviyyya:t*. Selain dari itu, kajian ini dapat memberikan gambaran yang jelas kepada para pencinta bahasa Arab tentang wacana cerita yang dipaparkan dalam Al-Qur'an yang jarang sekali kedapatan pada kajian-kajian ilmiah yang lain.

Tidak keterlaluan untuk penulis menyatakan bahawa bidang kajian ini meliputi aspek keindahan bahasa yang terdapat dalam al-Qur'an. Keindahan susunan, laras, gaya, isi, kosa kata dan paralinguistik yang terdapat dalam wacana akan dipaparkan bagi setiap analisis ayat yang berkaitan. Walaupun ianya tidak menyebut secara keseluruhan ciri-ciri yang terkandung dalam wacana, sedikit sebanyak ia boleh menjadi model pengkajian sesuatu wacana.

Kajian seperti ini wajar ditonjolkan kerana pada pengamatan penulis, setakat ini jarang kedapatan pengkaji-pengkaji tempatan yang tampil ke depan untuk membuat penyelidikan mengenai wacana al-Qur'an dengan lebih komprehensif. Seterusnya, kajian ini juga dapat memberikan gambaran yang lengkap tentang keistimewaan surah al-Kahf serta kepentingannya dalam wacana dan sejarah tamadun manusia.

### 1.3 Objektif Kajian

Di antara objektif utama kajian ini dibuat ialah :

- I. Memperkenalkan wacana al-Qur'an dan gaya bahasa penceritaan yang terkandung di dalamnya secara mendalam.


- i. Mengenalpasti bentuk penceritaan dalam surah al-Kahf serta dijadikan iktibar dan pengajaran yang berguna.
- ii. Mengupas unsur-unsur keindahan bahasa wacana cerita yang dipaparkan dalam surah al-Kahf.

#### **1.4 Metodologi Kajian**

Berdasarkan tajuk yang dipilih, kajian yang dijalankan ini hanya tertumpu kepada penyelidikan perpustakaan. Dalam memenuhi keperluan kajian, penulis mengumpulkan data-data dari kitab-kitab tafsir, buku-buku, majalah, jurnal dan sebagainya. Selain menggunakan perpustakaan peribadi, pengkaji akan mendapatkan sumber rujukan dari :

- i. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- ii. Perpustakaan Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya
- iii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
- iv. Laman-laman web berkaitan yang berkaitan.

Metodologi kajian yang akan dijalankan adalah berdasarkan kepada tiga metode seperti berikut gambarajah berikut:



**Gambarajah 1: Metodologi Kajian yang digunakan**

#### **1.4.1 Metode Penentuan Subjek**

Pemilihan tajuk yang tepat dan sesuai merupakan aset penting dalam menjalankan sesuatu kajian ilmiah secara lebih kreatif dan inovatif. Tajuk disertasi ini ialah: “*Wacana Cerita Dalam al-Qur'an : Satu Analisis Dalam Surah al-Kahf*” dipilih berdasarkan citarasa penulis sendiri dalam mendalami pengertian dan makna ayat-ayat suci al-Qur'an serta mengambil pengajaran daripadanya. Dalam menentukan tajuk, penulis merujuk kepada skop dan batasan kajian yang perlu dihalusi supaya ianya tidak menyimpang dari bidang kajian itu sendiri.

Wacana lebih bersifat global kerana ia merupakan kesatuan fikiran yang utuh yang diluahkan dalam bentuk lisan ataupun tulisan. Teks Al-Qur'an memenuhi ciri-ciri keteksualan yang unggul. Penulis tidak berniat untuk membuat analisis dalam semua ayat yang terdapat dalam surah al-Kahf. Oleh itu, penulis hanya memilih beberapa ayat yang menyingkap tentang sejarah dan peristiwa yang berlaku atau kisah yang dipaparkan melalui surah al-Kahf atau dengan kata lain penulis hanya memfokuskan kepada aspek cerita atau kisah yang dimuatkan di dalamnya.

#### **1.4.2 Metode Pengumpulan Data**

Dalam membuat pengumpulan data, penulis menggunakan teknik rujukan dan pembacaan menerusi bahan-bahan rujukan yang diperolehi daripada sumber perpustakaan. Data-data yang diperolehi dikumpulkan serta diasingkan mengikut keperluan bab dan fasal kajian. Proses ini dijalankan secara teliti dan bersistematik supaya kesemua data yang dikumpulkan itu adalah benar dan tepat, (Ashraf Muhammad Musa: 1978, 104-105). Justeru, penulis telah membuat penyaringan data-data dengan cermat dan teliti sebelum membuat sesuatu rumusan dan analisa.

Sepanjang proses pengumpulan data, penulis menggunakan satu metode yang lebih dikenali dengan metode historis, iaitu pengumpulan data yang dikaitkan dengan fakta sejarah. Ini adalah kerana bidang kajian ini mempunyai hubung jalin dengan fakta sejarah yang benar-benar berlaku sebagaimana yang disebutkan dalam al-Qur'an. Dalam memantapkan kajian yang berasaskan sejarah, penulis menggunakan beberapa sumber yang muktabar yang diperolehi daripada buku-buku mengenai wacana, rencana, makalah dan kitab-kitab tafsir seperti *Tafsi:r Al-Qur'a:n Al-'Azi:m*, *Fi: Zila:l al-Qur'an*, *Al-Tafsi:r Al-Muni:r*, *Tafsi:r Ibn Kathi:r*, *al-Tafsi:r al-Kabi:r*, *Jami ' al-Baya:n Fi: Tafsi:r al-Qur'a:n* dan sebagainya.

Penulis juga menggunakan sumber rujukan yang terkini yang jarang sekali digunakan oleh kebanyakan pengkaji, iaitu dengan membuat rujukan daripada sumber internet atau laman web yang tertentu. Dengan ini, penulis berkeyakinan bahawa kajian yang dijalankan ini membawa hasil yang benar-benar relevan dan bertepatan dengan disiplin kajian ilmiah.

#### **1.4.3 Metode Penganalisaan Data**

Metode penganalisaan data merupakan metode yang paling penting dan perlu diberi keutamaan. Ini kerana ia adalah metode yang digunakan dalam membuat analisis. Analisis kajian adalah kemuncak kepada kajian yang dijalankan. Dalam menganalisis data dan maklumat tentang wacana al-Qur'an, penulis berpandukan kepada tiga metode yang berasingan, iaitu metode induktif, metode deduktif dan komparatif. Melalui metode induktif, data-data yang dinilai akan dianalisis secara khusus dan dipecahkan kepada beberapa bahagian yang tertentu yang lebih kecil.

Dengan cara ini, ciri-ciri dan sifat-sifat khusus sesuatu masalah yang dikaji dapat diberi kupasan yang lebih mendalam dan seterusnya satu kesimpulan yang bersifat umum dapat dibuat dan diterima pakai untuk semua keadaan. Penggunaan metode ini membolehkan penulis membahagikan tajuk-tajuk yang utama kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil untuk dibahaskan, umpamanya dalam membicarakan tentang kisah *Ashab al-Kahf*, terdapat beberapa unsur di dalamnya yang perlu dibahaskan secara berasingan seperti unsur perwatakan, peristiwa dan persejarahan. Di samping itu unsur terpenting yang perlu diutamakan ialah aspek keindahan penggunaan bahasa yang berkaitan dengan balaghah Arab.

Metode deduktif pula mempunyai makna yang berlawanan dengan metode induktif iaitu mengemukakan sesuatu pernyataan dan seterusnya memberikan hujah-hujah bagi menyokong kenyataan sebelumnya. Melalui metode deduktif ini, penulis akan memuatkan beberapa data dan penghujahan yang berkaitan dengan pendapat para ulama mengenai tafsiran, sebab penurunan, kedudukan ayat (*Makkiyyat* atau *Madaniyyat*), mukjizat ayat-ayat al-Qur'an dan sebagainya. Kebanyakan ulama berselisih faham mengenai beberapa aspek di atas, memandangkan timbulnya berbagai jenis fahaman dan mazhab ilmu Kalam yang turut mempengaruhi mempengaruhi tafsiran ayat-ayat al-Qur'an.

Manakala metode komparatif pula bermaksud membuat kesimpulan setelah dilakukan satu perbandingan dengan data yang lain. Penulis akan mengaitkan metode ini dengan analisis *al-Tafsi:r al-Muqa:rin* (tafsiran dengan metode komparatif atau perbandingan). Perbandingan yang akan dibuat ini adalah berdasarkan perbezaan hasil ijтиhad, latar belakang sejarah, wawasan dan pendapat para ulama dan mufassirin.

## 1.5 Skop Kajian

Kajian ini difokuskan kepada analisis wacana cerita yang terdapat dalam surah al-Kahf. Secara keseluruhannya terdapat 4 kisah yang dimuatkan dalam surah al-Kahf. Penulis akan menjelaskan setiap kisah dan cerita ini dalam bab kelima berdasarkan kajian wacana yang tidak lari dari persoalan balaghah itu sendiri. Penulis juga memuatkan beberapa ayat yang lain dari surah al-Kahf yang boleh membantu dan menguatkan hujah dan data yang dikemukakan. Skop kajian disertasi ini melibatkan analisis wacana dan retorik “*al-bala:ghat*” pula menjadi salah satu komponen yang penting.

Analisis yang dibuat juga berdasarkan beberapa unsur yang berkaitan dengan penceritaan seperti watak-watak cerita (tokoh-tokoh), peristiwa-peristiwa kisah, motif cerita dan dialog-dialog yang digunakan. Di samping itu kajian ini juga tidak dapat dipisahkan daripada tiga dimensi, iaitu tajuk wacana, cara dan gaya penyampaian. Dalam kajian ini, penulis akan menyatakan tajuk-tajuk wacana cerita yang terdapat dalam surah al-Kahf yang berkisar pada cerita yang menampilkan watak-watak tertentu untuk memperjelaskan sifat-sifat manusia. Antara watak-watak yang ditonjolkan dalam surah al-Kahf ialah seperti *Tamligha*, *Miksalamina*, *Martu:nus* dalam kisah penghuni-penghuni gua (*Asha:b al-Kahf*) dan *Yahu:za*, *Tamligha* dalam kisah pemilik dua buah kebun tanaman (*Sa:hib al-Jannatayn*) Nabi Musa a.s, *Khidir* dan *Zulqarnain* dalam kisah-kisah berikutnya.. Ia adalah bertujuan untuk memberi pedoman, pengajaran dan tunjuk ajar yang baik kepada manusia.

Dalam membahaskan wacana cerita dalam surah al-Kahf, penulis membuat huraihan mengenai empat jalinan kisah utama iaitu kisah *Asha:b al-Kahf* (Penghuni-penghuni gua), kisah *Sa:hib al-Jannatayn*, (Pemilik dua kebun tanaman), kisah *Nabi*

*Musa (a.s) bertemu Khidir* dan kisah *Zulqarnain*. Huraian mengenai empat kisah utama ini dimuatkan dalam bab kelima sebagai memenuhi keperluan pengumpulan data yang berkaitan kajian. Namun demikian, penulis hanya memilih dua kisah sahaja untuk dijadikan bahan analisis. Dua kisah tersebut ialah, kisah *Asha:b al-Kahf* (Penghuni-penghuni gua) dan kisah *Zulqarnain*.

## 1.6 Bidang Kajian

Kajian ini menjurus kepada wacana cerita yang terdapat dalam al-Qur'an. Telah diketahui bahawa Al-Qur'an banyak memaparkan kisah-kisah umat dan Nabi-nabi yang terdahulu menerusi surah-surah yang terkandung di dalamnya. Menerusi kajian ini, penulis akan memaparkan satu huraian yang terperinci mengenai wacana al-Qur'an dan diikuti dengan analisis mengenai wacana cerita dalam surah al-Kahf.


Kajian ini dimulai dengan, *pertama*: pengumpulan teks ayat-ayat yang berkaitan dengan tajuk kajian; *kedua*: menerangkan sistematik historis (sejarah) yang berlaku; *ketiga*: menginterpretasikan teks, iaitu melalui pemahaman tekstual (harfiyy) yang bermaksud pemahaman terhadap erti perkatan, susunan dan bentuk kalimat serta pemahaman dari aspek kesusasteraan; dan *keempat* pembahagian dan penyusunan bab berdasarkan metodologi yang digunakan.

Tidak keterlaluan untuk penulis menyatakan bahawa bidang kajian ini meliputi aspek keindahan bahasa yang terdapat dalam al-Qur'an. Keindahan susunan, laras, gaya, isi dan kosa kata yang terdapat dalam wacana akan dipaparkan bagi setiap analisis ayat yang berkaitan. Walaupun ianya tidak menyebut secara keseluruhan ciri-

ciri yang terkandung dalam wacana, sedikit sebanyak ia boleh menjadi model pengkajian sesuatu wacana.(<http://www.tutor.com.my/stpm/wacana.htm>).

Berdasarkan kepada fakta yang mengatakan bahawa al-Qur'an merupakan *Kala:m Allah* (percakapan Allah), dapat dirumuskan bahawa ianya merupakan sebuah wacana lisan yang membawa maksud satuan bahasa yang lengkap dan besar di atas ayat atau klausa dengan ciri kohesi dan koheren tinggi yang mempunyai kesenambungan, awalan dan akhiran serta disampaikan secara lisan.

Untuk menjelaskan lagi bidang kajian ini, penulis mengaitkan dengan apa yang diutarakan oleh Henry Guntur Tarigan (1995: 47) dalam membuat analisis wacana cerita dengan menyebut beberapa ciri penceritaan "narasi" iaitu ringkasan, jalan masuk, jalan cerita, ringkasan/penutup dan penilaian.



**Gambarajah 2: Ciri-ciri Penceritaan**

Dalam cerita al-Qur'an, mengandungi ciri-ciri yang tersebut di atas, malah lebih mendalam daripada apa yang difikirkan oleh manusia. Umpamanya dalam kisah Nabi Saleh dan kaum Thamu:d,

Allah berfirman:

كَذَّبُتْ ثَمُودٌ بِطَغْوَيْهَا ﴿١١﴾ إِذْ أَنْبَعْتَ أَشْقَانَهَا ﴿١٢﴾ فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ  
 نَاقَةً اللَّهِ وَسُقِيَّهَا ﴿١٣﴾ فَكَذَّبُوهُ فَعَقَرُوهَا فَدَمْدَمَ عَلَيْهِمْ رَبُّهُمْ بِذَنْبِهِمْ  
 فَسَوَّنَهَا ﴿١٤﴾ وَلَا يَخَافُ عَقْبَهَا

Maksudnya : “Kaum Thamud telah mendustakan (rasul mereka) kerana mereka telah melampaui batas, ketika bangun orang yang paling celaka di antara mereka, lalu Nabi Saleh berkata kepada mereka, Biarkanlah unta betina Allah itu meminum airnya. Lalu mereka mendustakannya dan menyembelih unta itu, Maka Tuhan mereka membinasakan mereka disebabkan dosa yang mereka lakukan, lalu Allah menyamaratakan mereka dengan tanah dan Allah tidak takut terhadap akibat daripada tindakanNya itu.” (Surah al-Shams : ayat 11-15)

Dalam ayat di atas, terdapat ciri ringkasan dan jalan masuk cerita pada ayat pertama, kemudian disusuli dengan jalan cerita, di mana Allah melarang mereka membunuh unta betina, tetapi kerana terlalu ingkar mereka telah membunuh unta tersebut, akhirnya mereka dibinasakan oleh Allah dengan angin ribut yang kuat. Allah menimpakan azab tiupan angin ribut selama tujuh hari tujuh malam. Kisah ini diakhiri dengan ringkasan dan penilaian (*I'tibar*) bahawa Allah berkuasa menurunkan bencana terhadap kaum yang ingkar dan ianya sekaligus menjadi pengajaran yang amat berguna kepada umat Islam.

Di antara ciri kemukjizatan bahasa yang terkandung dalam ayat-ayat di atas adalah penggunaan *al-Saj‘* di akhir ayat. Semua ayat di atas diakhiri dengan gantinama “*Ha:*” (untuk dami:r mu’annath). Inilah antara ciri bahasa yang paling indah dari aspek bentuk dan padanan ayat-ayatnya.

## **1.7. Tinjauan Kajian Berkaitan**

Kajian mengenai wacana dalam al-Qur'an jarang kedapatan dalam kajian-kajian ilmiah di Malaysia. Kebiasaan kajian yang dijalankan adalah bersifat pentafsiran terhadap ayat-ayat atau surah-surah yang dikaji tanpa merujuk kepada laras, gaya, atau *uslu:b* bahasa yang digunakan. Kebanyakan karya-karya yang dihasilkan adalah bersifat pentafsiran ayat atau berkaitan dengan aspek-aspek seperti semantik dan morfologi. Walaupun begitu akhir-akhir ini muncul beberapa orang sarjana yang membuat kajian mengenai gaya bahasa yang terdapat dalam al-Qur'an sebagai contohnya:

- i. "Analisis Gaya Bahasa al-Insya:' Dalam Surah al-Nu:r oleh Siti Ikbal Syeikh Salleh dalam tesis phDnya (1999) ". Beliau banyak mengupas tajuk al-Insha:' yang terdapat dalam ilmu al-Ma'a:ni yang merupakan satu cabang ilmu Balaghah. Kajian ini boleh dikategorikan sebagai kajian bersifat wacana kerana ia membahaskan tentang gaya bahasa atau *uslu:b* al-Insha:' dalam surah al-Nu:r.
- ii. "Analisis Wacana Tafsiran al-Qur'an: Tumpuan Surah al-Fatehah", oleh Abdul Hamid Bin Sulaiman dalam disertasinya (2000). Kajian ini menjuruskan kepada analisis wacana berdasarkan tafsiran surah al-Fatehah. Beliau mengupas lapan jenis tafsiran yang mewakili bentuk-bentuk penafsiran al-Qur'an. Antara objektif kajian ini adalah untuk mencari asas bagi menilai, mentafsir dan menganalisis ayat-ayat al-Qur'an dengan metode dan cara yang terbaik. Disertasi ini juga menyentuh tentang beberapa mazhab penafsiran al-Qur'an seperti "Mazhab al-Qurra:", "Mazhab al-Mufassiri:n", "Mazhab Usuliyyi:n", "Mazhab Fuqaha:" dan Mazhab "Lughawiyyi:n".

- iii. “ Kohesi Wacana Dalam Bahasa Arab: Satu Kajian Terhadap Novel al-Sahab al-Ahmar”, oleh Mohd Azidan Bin Abdul Jabar dalam tesis phDnya (2004). Tesis ini membahaskan mengenai konsep wacana yang merupakan tingkata bahasa yang paling tinggi. Ia juga menyentuh aspek kohesi dalam bahasa Arab yang merupakan pertalian antara dua atau lebih yang berasaskan semantik dalam sesebuah teks samaada lisan mahupun tulisan. Melalui kajian ini, penulis membuat analisis kohesi nahu dan kohesi leksikal yang dilakukan ke atas korpus atau data yang dipilih bagi mendeskripsi jenis-jenis dan alat-alat kohesi yang digunakan serta kekerapan penggunaannya.

Penemuan utama daripada kajian ini adalah dapat menunjukkan bahawa terdapat banyak alat daripada berbagai-bagai jenis kohesi yang boleh digunakan untuk memastikan ketekstualan unsur-unsur yang membina sesebuah teks penulisan Arab, seterusnya dapat meletakkan fungsi wacana Arab dalam konteks sosialnya.

- iv. “Ayat Perintah Dalam Surah al-Anfa:l Dan al-Taubah: Satu Analisis Wacana” oleh Kasyfullah Abd Kadir dalam disertasinya (2006). Disertasi ini menyentuh mengenai aspek ayat perintah dalam surah al-Qur'an yang meliputi sebanyak 64 ayat yang terkandung di dalam dua surah iaitu sebanyak 25 ayat dari surah al-Anfa:l dan 39 ayat dari surah al-Taubah. Kajian ini disusun mengikut bilangan kata kerja yang terdapat dalam ayat-ayat perintah.
- v. “Bahasa Kepimpinan Rasulullah S.A.W: Satu Analisis Wacana Khutbah Ghazawa:t al-Rasul oleh Munif Zariruddin Fikri Bin Nordin

dalam tesis phDnya (2008). Tesis ini membicarakan tentang kemahiran dan kemampuan linguistik Rasulullah s.a.w. yang menggunakan bahasa yang efektif yang dibuktikan melalui hubungan ayat dengan makna, partikel, modaliti dan kosa kata kepimpinan dan peperangan. Hubungan ini mencerminkan keupayaan baginda memilih strategi bahasa, menerapkan nilai-nilai balaghah dalam penyampaian makna, memahami konteks dan situasi melalui cara dan jenis maklumat yang disampaikan kepada para sahabat, serta memadankan diksi dengan latar belakang perang dan musuh.

Dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa melalui penerapan amalan tauwhidiyyah yang mengandungi cirri-ciri intensiti yang tinggi, Rasulullah s.a.w. Berjaya meninggalkan kesan iman dari segi perubahan dan peningkatan diri para sahabatnya. Baginda juga telah berjaya membangkitkan reaksi emosi dan tenaga yang luar biasa, seterusnya mendorong mereka melakukan pengorbanan nyawa dan harta benda dengan penuh kepatuhan dan ketaatan tanpa rasa gerun kepada musuh.

Al-Sayyid Muhammad ‘Aqi:l al-Mahdaliyy (1996: 10) menjelaskan bahawa sejarah analisis wacana al-Qur'an dan pentafsirannya bermula semenjak ia diturunkan hingga ke hari ini.

Menurut kajian, terdapat banyak kajian mengenai analisis wacana terhadap beberapa surah dalam al-Qur'an yang diistilahkan dengan "*al-Dira:sa:t al-Tahli:liyyat*" yang dipelopori oleh sarjana Arab antaranya seperti :

- i. Mani‘ ‘Abd al-Hali:m Mahmu:d (1992) dalam kajiannya “*Dira:sat Fi: Tafs:ir Surat al-Baqara:t*”.
- ii. Abd. Ghani Muhammad al-Nuju:liyy al-Jama:l (1992) dalam kajiannya “*Surat al-Ra ‘d : Dirasa:t Tahlil:iyyat*”.
- iii. Mahmu:d Lutfi: Muhammad Ja:d (1993) dalam kajiannya “*Dira:sat Tahliliyyat Li Surat al-Hujura:t*”.
- iv. Mustafa: Sali:m (1989) dalam bukunya “*Maba:hith Fi: al-Tafsi:r al-Maudu:‘iy*”.
- v. Abdullah Hashi:m Ibrahi:m Na:yil (1992) dalam kajiannya “*al-Qaul al-Haqi:q Fi Tafsi:r Surat Yu:suf*”

Kajian-kajian yang telah dijalankan ini, sedikit sebanyak dapat membantu penulis untuk meneruskan kajian analisis wacana cerita dalam surah al-Kahf. Penulis juga membuat rujukan kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar bagi mendapatkan hujah yang lebih mantap.

## **1.8 Sumbangan Kajian**

Adalah diharapkan kajian seperti ini dapat diperolehi manfaat daripadanya terutamanya untuk diri penulis sendiri dalam memperkayakan ilmu al-Qur'an yang banyak mengandungi rahsia yang terselit di sebalik ayat-ayatnya. Kajian ini juga sangat bermakna buat penulis kerana ia akan meluaskan pemikiran dalam mengkaji ayat-ayat al-Al-Qur'an dan pencetus semangat ke arah membuat penyelidikan yang seterusnya.

Kajian yang dijalankan ini adalah bersifat kewacanaan, dan analisis yang dibuat adalah berdasarkan kandungan cerita atau kisah dalam al-Qur'an, justeru, ianya

mempunyai kepentingan dan sumbangan yang besar terhadap perkembangan ilmu-ilmu al-Qur'an dan bahasa Arab itu sendiri. Selanjutnya, kajian ini dapat memberikan informasi baru yang berbentuk sejarah dan peradaban manusia dari generasi ke generasi.

Dari segi teorinya, kajian ini diharap dapat membuka jalan para pengkaji tempatan untuk membuat penyelidikan yang lebih lanjut dalam bidang wacana al-Qur'an di samping dapat memberi ruang kepada penulis tentang disiplin ilmu akademik atau bahasa yang lain bagi menimba pengalaman baru khususnya dalam wacana bahasa Arab. Selain dari itu, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan ke arah memperkayakan lagi perpustakaan-perpustakaan nasional dengan bahan-bahan yang memudahkan proses memahami bahasa al-Qur'an.

## **1.9 Definisi tajuk**

Sebagai pengenalan, penulis akan memberikan beberapa istilah yang berkaitan dengan tajuk kajian ini, iaitu "***Wacana Cerita Dalam al-Qur'an: Satu Analisis Dalam Surah al-Kahf***", supaya mudah difahami dan sebagai titik tolak untuk meneruskan kajian yang lebih mendalam pada bab-bab yang berikutnya. Sekali imbas, tajuk kajian ini memerlukan definisi secara sepintas lalu terhadap beberapa perkataannya seperti wacana, analisis, al-Qur'an dan cerita. Manakala perkataan *al-Kahf* akan dibicarakan dalam bab kelima secara lebih terperinci.

### **1.9.1. Definisi Wacana**

Wacana boleh didefinisikan kepada beberapa pengertian sebagaimana yang diutarakan oleh sarjana-sarjana bahasa. Henry Guntur Tarigan (1995) mendefinisikan wacana sebagai satuan bahasa yang lengkap pada ayat atau klausa serta disusun secara rapi, koherensi, kohesi, berkesinambungan dan mempunyai awalan dan akhiran yang nyata samaada disampaikan secara lisan atau bertulis.

Menurut Stubbs (1983: 67) wacana bermaksud:

*“The linguistic analysis of naturally occurring connected spoken or written discourse. Roughly speaking it refers to attempts to study the organization of language above the sentence or above the clause and therefore to study larger linguistic units, such as conversational exchanges or written texts. It follows that discourse analysis is also concerned with language use on the social contexts and in particular with interaction or dialogue between speakers.”*

Definisi yang diberikan oleh Stubbs jelas menunjukkan bahawa wacana merupakan kesatuan bahasa yang besar merangkumi ayat dan klausa sama ada ianya dalam bentuk lisan ataupun tulisan. Analisis wacana pada pandangan Stubbs jelas memperlihatkan kepada usaha mengkaji organisasi bahasa yang melampaui peringkat ayat atau peringkat klausa. Ini bermakna analisis wacana mengkaji unit-unit linguistik yang lebih besar , seperti pertukaran perbualan (*conversational exchanges*) atau teks-teks yang bertulis. Analisis wacana juga meneliti penggunaan bahasa dalam konteks sosial, khususnya interaksi atau dialog antara penutur.

Menurut Asmah Hj Omar (1980, 11) wacana adalah unit bahasa yang melebihi batasan ayat. Dengan itu, wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat,

ceraian, bab, buku, siri buku atau sebagainya yang memperlihatkan kesatuan dan hubungan di antara butir-butir fikiran dan juga perkembangan akliah yang ada di dalamnya. Sekatan “*constraints*” makna yang berlaku pada ayat terdapat juga pada wacana.

### **1.9.2 Definisi Cerita**

Cerita didefinisikan sebagai kisah yang berasal dari perkataan Arab, iaitu diambil dari perkataan *qasasa* (dia telah menceritakan atau mengisahkan). Ini bermakna suatu kisah adalah cerita dari suatu kejadian atau peristiwa yang telah berlaku dan sudah diketahui sebelumnya.

Dalam konteks tajuk kajian ini, cerita ataupun kisah didasarkan kepada tiga model sastera iaitu model sejarah, model perumpamaan dan model lagenda. Model sejarah merupakan suatu kisah yang menceritakan tokoh-tokoh sejarah tertentu seperti para nabi dan rasul dan beberapa kisah yang diyakini orang-orang terdahulu sebagai sebuah realiti sejarah. Model perumpamaan pula ialah kisah-kisah yang menurut orang-orang yang terdahulu, kejadiannya dimaksudkan untuk menerangkan dan menjelaskan suatu hal atau nilai-nilai.

Manakala model lagenda merupakan kisah yang diambil dari lagenda yang berlaku dalam sebuah komuniti sosial. Biasanya tujuan dari kisah lagenda ini adalah untuk memperkuatkan satu tujuan pemikiran atau untuk menafsirkan suatu masalah pemikiran manusia. (Muhammad A. Khalafullah, 2002: 101).

### 1.9.3. Definisi Al-Qur'an

Al-Qur'an adalah merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada rasulnya Muhammad (S.A.W) untuk menyelamatkan manusia daripada kesesatan dan membimbing mereka ke arah pertunjuk dan hidayah. Al-Qur'an didefinisikan sebagai

*"percakapan Allah yang bersifat qadim (sedia kala) dan ianya bukan makhluk, diturunkan melalui perantaraan malaikat Jibril kepada nabi Muhammad (S.A.W) dalam bahasa Arab bermula dengan surah al-Fatiyah dan diakhiri dengan surah al-Nas serta mengandungi mukjizat, ditulis dalam mashaf, dipindahkan secara mutawatir dan dengan membacanya menjadi satu ibadat"*  
(Zarqa:niyy : 1980, vol 1, 15 –25)

Wacana al-Qur'an bersifat lain dari yang lain kerana ia memiliki ciri-ciri keunggulan bahasa, uslub, balaghah dan fasahah yang tiada dapat ditandingi oleh mana-mana sasterawan ataupun ilmuwan. Ia adalah kalam Allah, pencipta sekalian alam. Al-Qur'an adalah panduan kepada seluruh umat manusia dan menjadi sumber utama perundangan Islam (Muhammad Abu: Zahrat : t.t, 90) dan ia juga merupakan hujah dalam semua perkara serta peringatan kepada seluruh manusia sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam firmanNya:


تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلنَّاسِ ذِيئْرًا



Maksudnya : "Maha berkat Tuhan yang menurunkan al-Qur'an kepada hambanya (Muhammad (S.A.W) untuk menjadi peringatan dan amaran bagi penduduk seluruh alam". (al-Furqa:n : 1)

Al-Qur'an adalah kalam Allah yang unggul. Antara ciri-ciri keunggulan al-Qur'an adalah:

- i. Al-Qur'an merupakan kalam Allah yang berbeza dari kitab-kitab yang lain yang diturunkan kepada nabi-nabi sebelumnya seperti Taurat, Injil dan Zabur. (Abd. Kari:m Zaida:n : 1989, 155 – 156)
- ii. Al-Qur'an diturunkan dengan lafaz dan makna daripada Allah dalam bahasa Arab melalui perantaraan Jibril dan Nabi Muhammad hanyalah sebagai penyampai dan pembacanya. (Sami:h 'A:tif al-Zi:n: 1990, 306)
- iii. Al-Qur'an diriwayatkan secara *tawatur* dan pensabitan riwayat tersebut telah diterima secara *qat 'iyy* dan tidak boleh diragui. (Manna:‘ al-Qatt:an : 1995, 22)
- iv. Al-Qur'an akan sentiasa berada dalam pemeliharaan Allah daripada sebarang perubahan, penambahan ataupun pengurangan (Abd. Kari:m Zaida:n : 1989, 156) berdasarkan jaminan Allah melalui firmanNya :



Maksudnya : “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur'an dan Kamilah yang akan memelihara dan menjaganya”. (al-Hijr : 9)

- v. Kelemahan dan ketidakmampuan jin dan manusia untuk mencipta sesuatu yang bersamaan dengan ayat-ayat al-Qur'an walaupun satu surah yang pendek, ( Wahba al-Zuhailiyy: 1989, 28) sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam bentuk cabaran melalui firmanNya:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأَتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ  
مِّثْلِهِ وَأَدْعُو أَشْهَدَآءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

۲۳

Maksudnya : “ *Dan kalau kamu ada menaruh perasaan syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Qur'an) kepada hamba kami (Muhammad S.A W), maka cubalah datangkan satu surah yang sebanding dengan al-Qur'an itu, dan serulah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah jika betul kamu orang-orang yang benar* “ (al-Baqarah :23)

Dalam ayat di atas, ditunjukkan bahawa para jin dan manusia tidak mampu untuk mencipta atau mendatangkan walaupun satu ayat yang menyamai atau menyerupai al-Qur'an dari aspek *bala:ghat* dan *fasa:hat*nya.

#### 1.9.4. Definisi Analisis

Perkataan analisis sebenarnya diambil daripada perkataan Inggeris “*Analysis*” yang bererti menghurai, menganalisa. HenzWehr (1960: 2000) dalam *A Dictionary of Modern Written Arabic* menyebut bahawa perkataan *tahlil* bermaksud *dissolution, resolution, breaking up, decomposition, specification, detailing and analyzation*. Sebagai contoh: **تَحْلِيلٌ** **كَهْرَبَائِيٌّ** yang bererti *electrolysis*, dan **الْحَلْلَيْنُ النَّفْسَانِيُّ** yang bererti *psyco analysis*. Perkataan “*Tahli:l*” di ambil dari perkataan “*Hallala*” “*Yuhallilu*” “*Tahlilan*” (al-Mu'jam al-Wasi:t : 194). Apabila diselidiki, penggunaan perkataan analisis ini bermula sejak tamadun Yunani, di zaman socrates, Plato dan Arresto (Jami:l Saliba, 1971: 257).

Wacana al-Qur'an pada asalnya adalah berbentuk lisan kerana ia disampaikan secara wahyu lisan daripada Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w dengan perantaraan

Jibril. Al-Qur'an yang sebenar adalah bersifat *qadi:m* dan *azaliyy*, dan ianya bukan *makhluk* dan Zatnya berada di luar alam nyata. (Syihab al-Din al-Qastalaniyy, 1972: 16 -17). Jumhur ulama berpendapat bahawa hakikat sebenar al-Qur'an adalah *qadi:m*, sebagaimana sifat-sifat Allah yang *qadi:m* lagi *azaliyy*. Manakala lafaz-lafaz yang ditulis dalam *Mushaf* adalah merupakan simbul yang menunjukkan tentang adanya kalam (percakapan) Allah. Dalam hal ini al-Qur'an yang ditulis dalam *Mushaf* dengan lafaz-lafaz dicetak, boleh dibaca dan didengar dikatakan sebagai baharu "Ha:dith".

Mushaf al-Qur'an yang sedia ada hingga sekarang ini telah melalui proses pengumpulan dan penulisan yang lama. Dan yang dimaksudkan dengan *Mushaf* al-Qur'an di sini ialah sebuah kitab yang dihasilkan oleh beberapa orang panitia yang dilantik oleh Khalifah 'Uthman ibn 'Affa:n seperti Zayd Ibn Thabit, 'Abdullah ibn Zubair dan 'Abd al-Rahma:n ibn Ha:rith, dan lazimnya ia disebut sebagai *Mushaf 'Uthmaniyy* atau *Mushaf AL-Ima:m*. Proses pengumpulan ini meliputi penyampaian (riwayat), dan penyalinan catatan hingga menjadi sebuah *Mushaf*. Proses ini juga disebut sebagai *Jam' al-Qur'a:n* جَمْعُ الْقُرْآنِ (Pengumpulan al-Qur'an).

Teks *Mushaf* al-Qur'an mengandungi 6666 ayat dalam 114 surah. Setiap surah diberikan nama yang tertentu secara *tawqi:fiyy* daripada Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w.. Nama surah-surah al-Qur'an ini berdasarkan dengan kesesuaian isi kandungannya atau mengenai sebab-sebab penurunannya, umpamanya surah al-Kahf dinamakan dengan nama *al-Kahf* (gua) kerana surah ini diturunkan adalah untuk menerangkan tentang kisah Ashab al-Kahf di dalamnya. (Wahbat al-Zuhailiyy, 1991: 196).

Dalam membuat analisis tentang surah al-Kahf, memerlukan kajian yang terperinci mengenai beberapa aspek pokok seperti pengenalan mengenai surah ini,

sebab penurunannya, kandungannya, kesesuaianya dengan surah sebelumnya, kelebihannya dan pengajaran daripadanya.

### 1.9.5. Pengenalan Surah al-Kahf

Surah al-Kahf adalah merupakan salah satu surah yang dikategorikan dalam surah *Makkiyat* kecuali ayat 28 yang diturunkan di Madinah. Ayat ke 28 ini dikhususkan kepada Nabi Muhammad dan orang-orang yang beriman bersamanya sebagaimana firman Allah:

وَاصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِالْغَدَوَةِ وَالْعَشِيِّ  
يُرِيدُونَ وَجْهَهُ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ  
الْدُّنْيَا وَلَا تُطِعْ مَنْ أَعْفَلْنَا قَلْبَهُ وَعَنِ ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَنَهُ وَكَانَ أَمْرُهُ وَ  
۲۸فُرْطًا

Maksudnya; “Dan bersabarlah kamu wahai Muhammad, bersama dengan orang yang menyeru (berdoa) akan Tuhan mereka di waktu pagi dan petang, untuk mendapat keredaan Allah. Dan janganlah kamu berpaling daripada mereka dengan tujuan mencari perhiasan dunia. Dan janganlah kamu ikuti orang-orang yang Kami lalaikan hati mereka dari mengingati Kami, dan mereka menurut keinginan (hawa) nafsu dan segala perbuatannya yang melanggar batas.” (al-Kahf: ayat 28).

Bilangan huruf-hurufnya sebanyak 6360 huruf kesemuanya, dan ia mengandungi 1577 jumlah perkataan, manakala bilangan ayatnya adalah sebanyak 110 ayat. (al-Nisaburiyy, 1965: 97). Mengikut susunan *Mushaf ‘Uthma:niyy*, surah al-Kahf diletakkan pada susunan surah yang ke lapan belas selepas surah al-Isra:’.

Antara kesesuaian kedudukan surah ini selepas surah al-Isra:’ adalah;

- Surah al-Isra:’ dimulai dengan lafaz *tasbi:h* سُبْحَانَ الَّذِي (Maha Suci bagi Allah) ,manakala surah al-Kahf dimulai dengan lafaz *Tahmi:d* الحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي (Segala puji bagi Allah). Kedua-dua lafaz ini sering beriringan pada setiap kali sesuatu surah dimulakan dengan *tasbi:h*, surah yang berikutnya akan dimulakan pula dengan *tahmi:d*. (al-Sayu:tiyy, 1986: 99). Begitu juga dengan ayat-ayat al-Qur’ an seperti firman Allah;:

فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَكُنْ مِّنَ الْسَّاجِدِينَ

Maksudnya: “*Maka bertasbihlah (sucikanlah) dengan memuji Tuhammu dan jadikan dirimu di kalangan orang-orang yang sentiasa bersujud.*” (surah al-Hijr: 98)

- Hal ini bersesuaian juga dengan zikir atau munajat dari Nabi Muhammad s.a.w :

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ

Maksudnya : “*Maha Suci bagi Allah dan dengan segala pujian untukNya*”.

- Surah al-Isra:’ dimulakan dengan *tasbih* dan di akhiri dengan *tahmi:d* sebagaimana firman Allah;

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيَلَّا مِنَ الْمُسْجِدِ الْحَرَامِ  
إِلَى الْمُسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَرَكَ حَوْلَهُ وَلِنُرِيَهُ  
مِنْ عَائِدَتِنَا إِنَّهُ هُوَ الْسَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya: “*Maha suci Allah yang telah memperjalankan hambanya (Muhammad) di malam hari, daripada Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang Kami berkati sekelilingnya, untuk Kami menunjukkan kepadanya (Muhammad) sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Kami,*

*Sesungguhnya Dialah Allah yang Maha mendengar lagi Maha melihat.”* (al-Isra’ ; ayat 1).

Dan firmanNya;

وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ  
يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ مِنَ الْأَذْلِ وَكَبِيرٌ تَكْبِيرًا



Maksudnya: “ *Dan katakanlah (wahai Muhammad) Segala puji hanya bagi Allah yang tidak mengambil anak (tidak beranak).*” (al-Isra’ ; ayat 111).

Dalam ayat 1 surah al-Isra’ seperti di atas, Allah s.w.t memulakan dengan lafaz *tasbi:h* iaitu سُبْحَانَ dan dalam ayat 111, digunakan dengan lafaz *tahmi:d* iaitu; الحَمْدُ.

#### 1.9.6. Kelebihan surah al-Kahfi

Setiap surah dalam al-Qur'an mempunyai kelebihannya (*fadhilat*) yang tersendiri. Dalam menerangkan tentang kelebihan surah al-Kahf, Rasulullah bersabda dalam beberapa hadith-hadith sahih, antaranya:

- Riwayat Muslim, Abu: Daw'ud, al-Nasa:'iyu dan al-Tarmiziyy daripada Abu: Darda':

{مَنْ قَرَأَ الْعَشْرَ الْأَوَّلَيْنَ مِنْ سُورَةِ الْكَهْفِ عَصَمَ مِنَ الدَّجَّالِ}

Maksudnya: “ *Barangsiapa di kalangan umatku yang menghafaz sebanyak sepuluh ayat daripada awal surah al-Kahf akan terselamat daripada fitnah Dajjal.*”

- Riwayat Imam Ahmad, Muslim dan al-Nasa:'yy daripada Abu: Darda':

{مَنْ قَرَأَ الْعَشْرَ الْأَوَّلَيْنَ مِنْ سُورَةِ الْكَهْفِ عَصَمَ مِنْ فِتْنَةِ الدَّجَالِ}

Maksudnya: “Sesiapa yang membaca sepuluh ayat yang terakhir daripada surah al-Kahf, akan terselamat daripada fitnah Dajjal.”

- Riwayat al-Nasa:’iyy dalam Sunan nya, daripada Thauba:n:

{مَنْ قَرَأَ الْعَشْرَ الْأَوَّلَيْنَ مِنْ سُورَةِ الْكَهْفِ ، فَإِنَّهُ عِصْمَةٌ لَهُ مِنَ الدَّجَالِ}

Maksudnya: “Sesiapa yang membaca sepuluh ayat yang terakhir daripada surah al-Kahfi, Maka baginya keselamatan daripada fitnah Dajjal.”

- Termasuk dalam sunnah Nabi, bahawa barangsiapa yang membaca surah al-Kahf pada setiap hari jumaat atau malamnya, akan mendapat cahaya antara jumaat dengan hari jumaat yang berikutnya. Hadis Nabi dari riwayat al-Hakim:

{مَنْ قَرَأَ الْكَهْفَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ ، أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ}

Maksudnya: “Barangsiapa yang membaca surah al-Kahfi pada hari jumaat, Allah akan memberikannya cahaya di antara dua jumaat.”

- Riwayat al-Da:rimiyy dan al-Baihaqiy;

{مَنْ قَرَأَهَا لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ ، أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ مَا بَيْنَ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ}

Maksudnya: “Barangsiapa yang membacanya (surah al-Kahfi) pada malam jumaat, Allah akan memberikan cahaya kepadanya jarak di antara dirinya dengan al- Bai al- ‘Ati:q.”

Sebahagian daripada hadis-hadis di atas, menunjukkan bahawa fadhilat membaca atau menghafaz sepuluh ayat sama ada dari awal surah mahupun di akhir

surah al-Kahf, adalah sebagai benteng keselamatan daripada para pendusta-pendusta agama yang diungkapkan sebagai *Dajjal*. Manakala sebahagian daripada hadis-hadis yang tersebut di atas , menyatakan bahawa Allah akan memberikan cahaya (Nu:r) kepada orang yang membaca keseluruhan ayat-ayat dalam surah al-Kahf. (Wahbat al-Zuhailiyy, 1991: 199 – 200).

### **1.9.7.. Sebab-sebab Penurunan**

Al-Qur'an diturunkan sebagai petunjuk kepada manusia dalam berbagai situasi dan keadaan. Ayat-ayat tersebut diturunkan dalam keadaan dan waktu yang berbeza mengikut peristiwa yang berlaku. Perbahasan mengenai sebab-sebab penurunan "Asbab al-Nuzu'l" mendapat perhatian di kalangan ulamak tafsir (mufassirin), di mana perbahasan mengenainya meliputi pengertian *sabab al-Nuzu'l*, fungsi riwayat *sabab al-Nuzu'l*, hadis-hadis yang meriwayatkan tentangnya dan kaedah-kaedah *sabab al-Nuzu'l*. Tidak semua ayat diturunkan dengan sesuatu sebab yang khusus.

Ringkasnya, pengertian *Asbab al-Nuzu'l* adalah sesuatu peristiwa atau kejadian yang menyebabkan turunnya satu atau beberapa ayat, yang dapat dijadikan petunjuk yang berkaitan dengan penurunan sesuatu ayat. (al-Zarqaniyy, t.t.:106)

Surah al-Kahf diturunkan semasa Rasulullah masih berada di Mekah dalam usahanya menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat musyrikin Quraish di sekelilingnya. Memang menjadi kebiasaan orang-orang Yahudi di Yathrib, gemar bertanyakan Nabi tentang perkara-perkara yang ghaib yang melampaui batas. Menurut riwayat para ulamak, orang-orang Yahudi meminta musyrikin Mekah supaya mengajukan beberapa soalan kepada Rasulullah antaranya mengenai tiga perkara;

*pertama*, tentang *al-Ruh*, *kedua*, tentang kisah *Asha:b al-Kahf*, dan *ketiga*, tentang kisah *Zulqarnain*. (al-Sayutiyy, 1986 : 100).

Jawapan kepada soalan yang pertama terjawab dalam surah al-Isra:', iaitu di akhir surah. Dan sebagai jawapan kepada dua soalan yang berikutnya, dipaparkan dalam surah al-Kahf dengan jelas dan padat. Antara hikmat tidak disatukan semua jawapan kepada pertanyaan tersebut dalam satu surah, (dalam surah al-Kahf umpamanya), adalah kerana persoalan *Ru:h* adalah merupakan satu hak mutlak Allah (Ibn Kathi:r, :137) sebagaimana firman Allah ;

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الْرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيِّ وَمَا أُوتِيزُمُ مِنْ الْعِلْمِ إِلَّا

قليلًا

Maksudnya: “ *Dan mereka (orang-Orang Yahudi) bertanyakan kepada kamu tentang Ruh, Katakanlah; Ruh itu adalah sebahagian daripada urusan Tuhanku, Dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan, melainkan sedikit sahaja.*” (al-Isra', ayat 85).

Sebagai kesimpulannya, sebab utama diturunkan surah al-Kahf adalah berdasarkan pertanyaan orang-orang Yahudi mengenai kisah *Asha:b al-Kahf*, dan kisah *Zulqarnain*. Sebagai jawapan kepada kedua-dua soalan tersebut, Allah menurunkan surah al-Kahf.

Dalam konteks jawapan kepada pertanyaan tersebut, Rasulullah berkata kepada musyrikin Mekah yang menanyakan soalan orang-orang Yahudi, bahawa baginda akan memberikan jawapan pada keesokan harinya., tanpa menyebut *Insya: Allah*, (إِنْ شَاءَ اللَّهُ) (sekira dikehendaki oleh Allah) Setelah tiba hari esoknya, wahyu Allah tidak diturunkan sehingga sampai hari yang ke limabelas , Jibril datang

kepada Rasulullah menyampaikan wahyu yang mengandungi perkhabaran mengenai kisah *Asha:b al-Kahf* dan *Zulqarnain*. (Wahbat al-Zuhayliyy, 1991:215).

Allah juga berpesan kepada Nabi dengan firmanNya;

وَلَا تَقُولَنَّ لِشَأْيِءٍ إِنَّمَا فَاعِلٌ ذَلِكَ عَدَا  
٢٣

Maksudnya: “*Dan jangan sesekali kamu berkata; untuk sesuatu urusan, bahawa sesungguhnya aku akan mengerjakannya besok.*” (al-Isra:’, ayat 23).

Sebaliknya hendaklah disertai dengan kata *Insya: Allah*, (sekira di kehendaki/diizinkan oleh Allah) sebagaimana firman Allah :

إِلَّا أَن يَشَاءَ اللَّهُ وَأَذْكُرْ رَبِّكَ إِذَا نَسِيْتَ وَقُلْ عَسَىٰ  
أَن يَهْدِيَنِ رَبِّيْ لِأَفْرَبَ مِنْ هَذَا رَشَداً  
٢٤

Maksudnya; “*Melainkan (dengan menyebut) jika Allah menghendaki, dan ingatlah akan Tuhanmu, bila kamu terlupa maka ucapkanlah mudah-mudahan Tuhanku memimpinku ke arah yang lebih mendekati jalan kebenaran ini.*” (Surah al-Kahf, ayat 24)

#### 1.9.8. Intisari Kandungan Surah al-Kahf

Secara keseluruhannya. Surah al-Kahf memuatkan beberapa aspek pokok yang berkaitan dengan akidah keimanan, memandangkan surah ini diturunkan di Mekah, dan antara tujuan utama ajaran-ajaran dalam ayat-ayat *Makkiyat* adalah untuk menyucikan jiwa manusia daripada syirik dan melepaskan mereka daripada runtunan hawa nafsu. Jika diteliti, hanya ibadat solat yang merupakan sebahagian daripada

hukum yang bersangkutan dengan syariat difardukan semasa Nabi menjalankan misi dakwahnya. (al-Sayutiyy, 1986: 30 – 31).

Antara intisari kandungan surah al-Kahf menurut Wahbat al-Zuhayl:yy , 1991: 197 – 199), adalah seperti berikut:

- i. Surah al-Kahf dimulakan dengan menerangkan sifat al-Qur'an yang lurus dan betul tiada sebarang percanggahan pada lafaz dan maknanya, di mana ia diturunkan untuk memberi khabar gembira dengan balasan syurga dan memberi peringatan dengan balasan neraka bagi mereka yang ingkar. Sifat *Tabshi:r* dan *Indha:r* ini seringkali diungkapkan oleh al-Qur'an dalam ayat-ayat *Makkiyyat*.
- ii. Surah ini juga menarik perhatian manusia supaya melihat kepada perhiasan dunia, keindahannya serta keajaiban pada penciptaan segala makhluk, yang semuanya menjadi bukti yang jelas di atas kekuasaan Allah.
- iii. Selain itu, antara perkara pokok yang paling menarik dalam surah ini adalah paparan tentang tiga kisah yang menakjubkan yang pernah berlaku dalam sejarah tamadun manusia. Kisah-kisah tersebut adalah *pertama*; Kisah *Asha:b al-Kahf* (Penghuni-penghuni gua), *kedua*; Kisah pengembaraan Nabi Musa a.s bertemu seorang hamba yang soleh *Khidir*, dan *ketiga*; kisah *Zulqarnain*.

Kisah Ashab al-Kahf umpamanya, menjadi contoh terbaik dan simbol tertinggi dalam pengorbanan memartabatkan iman dalam jiwa hingga sanggup meninggalkan segala kesenangan dan kemewahan, keluarga, saudara mara, rakan taulan dan harta demi untuk menyelamatkan akidah

yang murni. Sekumpulan pemuda yang dimaksudkan itu melarikan diri daripada kekejaman seorang raja yang beragama *wathaniyy* (menyembah berhala) ke arah sebuah gua. Kemudian Allah menidurkan mereka selama 309 tahun, dan dibangkitkan semula sebagai bukti fizikal kepada semua manusia bahawa Allah berkuasa dan mampu untuk menghidupkan semula manusia untuk dibicarakan di Padang Mahsyar.

- iv. Dalam surah ini juga dinyatakan suruhan Allah kepada pesuruhNya Muhammad supaya selalu merendah diri apabila bersama dengan orang-orang yang lemah yang beriman dengan Allah dan tidak berpaling daripada mereka untuk keluar berdakwah kepada golongan hartawan di Mekah.
- v. Allah juga membuat ugutan dan kecaman keras terhadap orang-orang kafir selepas datangnya cahaya kebenaran, dan seterusnya menjanjikan kepada mereka azab yang amat pedih, di samping Allah membandingkan dengan segala nikmat kurnian dan balasan syurga bagi orang-orang yang beriman.
- vi. Kemudian dipaparkan kisah tentang pengembaraan Nabi Musa bersama Yusya' ibn Nu:n untuk bertemu Khidir. Kisah ini disebut dalam ayat 60 hingga 78.
- vii. Paparan mengenai kisah Zulqarnain, iaitu seorang raja yang diberi kekuasaan oleh Allah menguasai segala kerajaan timur dan barat. Beliau merupakan seorang raja yang memiliki sifat ketaqwaan di samping berlaku adil dan suka membuat kebajikan terhadap rakyat di bawah jajahan takluknya.
- viii. Diceritakan juga mengenai 2 kisah perumpamaan dan perbandingan yang menarik yang dinukilkhan dari realiti kehidupan manusia. Ini adalah untuk menyatakan bahawa kebenaran tidak ada hubungan dengan kekuasaan

ataupun kekayaan dan kemewahan tetapi ianya terikat dengan keimanan yang jitu kepada Allah dan rasulnya. *Pertama*, mengenai seorang pemuda yang diberikan nikmat oleh Allah dengan dianugerahkan dua buah kebun yang subur dengan pelbagai jenis tanaman. Manakala seorang lagi diberikan Allah sifat ketaqwaan. Kisah ini berakhir dengan kemusnahan taman si pemuda yang mudah lupa dengan nikmat pemberian Allah kepadanya. *Kedua*, mengenai perumpamaan kehidupan dunia, di mana Allah memberi peringatan kepada manusia bahawa kehidupan dunia hanya sementara dan ianya akan lenyap bila tiba waktunya.

- ix. Ini diikuti dengan pernyataan daripada Allah bahawa kiamat adalah sesuatu yang benar-benar akan berlaku, di mana Allah memberikan beberapa gambaran di sebalik peristiwa kiamat yang menggerunkan seperti berterbangannya bukit bukau dan gunung ganang, kemudian dikumpulkan manusia di Padang Mahsyar serta kekejutan yang dirasai oleh manusia apabila masing-masing melihat suratan amalan yang dilakukan semasa hidup di dunia.
- x. Kemudian disusuli pula dengan pernyataan Allah bahawa tujuan para rasul diutuskan adalah untuk memerlukan peringatan kepada manusia.
- xi. Surah ini diakhiri dengan tiga tema iaitu. *Pertama*; mengenai amalan orang-orang kafir yang sia-sia dan tidak diterima di sisi Allah di hari kemudian kelak. *Kedua*; memberikan khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh dengan nikmat syurga yang kekal abadi. *Ketiga*; bahawa ilmu Allah tidak ada batas dan kesudahannya.

### **1.9.9. Wacana Cerita Ashab al-Kahf**

Sesungguhnya kisah Ashab al-Kahf, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam ayat 9 bukanlah merupakan suatu perkara yang mengagumkan atau pun suatu perkara yang ajaib jika hendak dibandingkan dengan kekuasaan Allah dalam menciptakan langit dan bumi, dan dihiasi langit dunia dengan bintang-bintang sebagaimana firmanNya ;

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرِّقَيمِ كَانُوا مِنْ عَائِدِنَا عَجَّا

Maksudnya; “ *Adakah kamu mengira (wahai manusia) bahawa penghuni gua dan batu bersurat itu , termasuk dalam tanda-tanda kekuasaan kami yang mengagumkan kamu!.* ” (al-Kahf, ayat 9).

Sebaliknya pada penciptaan langit dan bumi lebih daripada segalanya, sebagaimana firman Allah;

لَخَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَكْبَرُ مِنْ خَلْقِ النَّاسِ وَلَكِنْ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya; “*Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi lebih besar (agung) daripada penciptaan manusia, dan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya.* ” (Gha:fir, ayat 57).

### **1.10 Rangka Kajian**

Kajian ini dibahagikan kepada tujuh bab. Dalam bab pertama penulis akan membincangkan dasar-dasar penulisan tesis bermula dari pendahuluan diikuti dengan aspek-aspek yang berkaitan dengan latarbelakang, kepentingan,objektif, metodologi,

skop, bidang dan sumbangan kajian. Penulis juga menyatakan secara sepintas lalu mengenai kajian-kajian lampau berkaitan dengan kajian analisis wacana al-Qur'an yang pernah dijalankan oleh para pengkaji Arab. Di samping itu, penulis menerangkan definisi tajuk yang dipilih secara ringkas di awal bab pertama ini dan menerangkan hubungkaitnya dengan kajian yang pernah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain. Penulis juga menyatakan pengenalan kepada surah al-Kahf dengan menekankan kepada aspek penurunan, kelebihan, sebab-sebab penurunan serta beberapa intisari utama yang terdapat di dalamnya.

Dalam bab kedua pula, penulis akan menjelaskan tentang wacana serta sejarah dan perkembangan analisis wacana yang dijalankan oleh sarjana bahasa secara keseluruhannya. Perkembangan analisis wacana ini akan dijelaskan berdasarkan analisis wacana Barat, Malaysia dan juga Arab.

Ini diikuti dengan bab ketiga yang menjelaskan analisis wacana al-Qur'an. Al-Qur'an sebagai satu wacana menjadi pokok penting perbincangan dalam bab ini. Ia dimulai dengan pengenalan kepada al-Qur'an, keistimewaan, mukjizat, kandungan cerita dan beberapa pengajaran. Penulis juga membuat kupasan mengenai al-Qur'an sebagai wacana yang memaparkan tentang perkhabaran-perkhabaran ghaib di masa lampau, yang sedang berlaku dan yang yang akan berlaku. Di samping itu, penulis juga menyatakan dalam bab ini tentang keistimewaan al-Qur'an sebagai wacana mengenai ajaran dan ibadah, ilmu pengetahuan serta diakhiri dengan beberapa aspek keindahan bahasa. Bab ini disusuli dengan penerangan mengenai beberapa kaedah penting dalam membuat analisis wacana al-Qur'an.

Seterusnya dalam bab keempat, penulis membincangkan aspek wacana cerita dalam al-Qur'an dengan mengambil contoh daripada beberapa kisah yang dipaparkan

dalam al-Qur'an seperti kisah para Nabi dan Rasul dan umat-umat yang terdahulu. Kupasan mengenai kisah-kisah ini adalah sebagai pembuka jalan kepada wacana cerita dalam surah al-Kahf di samping menjadi satu kisah tauladan. Di samping itu, beberapa watak cerita dinyatakan secara ringkas, memandangkan peranan watak-watak dalam menghidupkan jalan sesebuah cerita.

Dalam bab yang kelima, dipaparkan kisah-kisah dalam surah al-Kahf secara terperinci dengan mengambil kira beberapa aspek berkaitan kandungan dan isi cerita serta disusuli dengan intisari dan pengajaran. Empat kisah utama yang dimuatkan dalam bab ini ialah kisah *Asha:b al-Kahf* (Penghuni-penghuni gua), kisah *Sa:hib al-Jannatayn*, (Pemilik dua kebun tanaman), kisah *Nabi Musa (a.s) bertemu Khidir* dan kisah *Zulqarnain*. Ini disusuli dengan tiga kisah tambahan iaitu kisah keangkuhan dan tipu daya Iblis, kisah perumpamaan hidup di dunia dan kisah akibat tidak menghiraukan perintah Allah.

Manakala bab keenam yang juga merupakan bab kemuncak kepada kajian ini, akan dimuatkan dengan analisis wacana cerita dalam surah al-Kahf. Penulis hanya memilih **dua kisah** atau cerita dalam surah al-Kahf sebagai analisis kajian. Dua kisah tersebut ialah **Kisah Asha:b al-Kahf** dan **Kisah Zulqarnain**. Kajian yang dibuat, dijuruskan kepada slot, gaya bahasa, peristiwa kisah, motif cerita, penggunaan perkataan dalam wacana cerita yang digunakan. watak, babak, ciri-ciri dialog lisan dan beberapa aspek balaghah seperti *al-Tiba:q*, *al-Jina:s* dan *al-Saj'*. yang digunakan, di mana ianya dijelaskan secara ringkas dalam bab ini.

Manakala bab ketujuh yang merupakan bab terakhir yang akan dimuatkan dengan rumusan, komentar terhadap wacana cerita serta cadangan sebagai kesimpulan dari kajian yang dijalankan. Setiap kajian mempunyai rangka yang lengkap dan padat dengan kandungan, begitulah juga dengan kajian ini mempunyai bahagian

pendahuluan yang meliputi halaman judul, dedikasi, penghargaan, abstrak, daftar isi, panduan transliterasi serta senarai jadual dan rajah. Bahagian kedua mengandungi teks atau data dan analisis serta penutup, dan bahagian yang ketiga pula mengandungi bibliografi yang memuatkan karya-karya yang dijadikan sumber bacaan dan rujukan.

## 1.11. Penutup

Sebagai kesimpulan, bab pertama ini membicarakan tentang beberapa aspek berkaitan kajian yang dijalankan. Menerusi bab ini, penulis menyatakan beberapa aspek kajian ilmiah dimulai dengan pendahuluan, latar belakang, kepentingan, metodologi dan sebagainya. Sesungguhnya kajian mengenai al-Qur'an mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Rasulullah bersabda dalam Hadithnya: (al-Nawawiyy dalam Riyā:d al-Sa:lihi:n).

خَيْرٌ كُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَ عَلِمَهُ

Maksudnya: "Sebaik-baik kamu adalah sesiapa yang mempelajari al-Qur'an dan mengajarkannya"

Melalui kajian ini, penulis berharap dapat memenuhi ajaran daripada pengertian hadith di atas, di samping dapat menambahkan pengalaman ilmiah dengan mendalami isi kandungan al-Qur'an. Dalam pengkajian kisah al-Qur'an ini, sekurang-kurangnya dapat mematahkan kritikan pedas oleh orientalis Barat dengan tuduhan bahawa al-Qur'an telah menyelewengkan fakta sejarah.

Melalui kajian ini dapat dibuktikan bahawa dalam kisah-kisah al-Qur'an terdapat konsep umum yang boleh diyakini oleh masyarakat, kerana tujuannya adalah untuk memberikan hidayah, petunjuk, pengajaran dan hikmah. Atas dasar kenyataan

ini, membawa erti bahawa teks-teks al-Qur'an sama sekali tidak hanya difokuskan untuk memberi informasi kesejarahan atau peradaban manusia dari generasi ke generasi, malah ianya hanya sebagai model atau contoh berita yang pernah berlaku terhadap umat manusia yang suka membuat kerosakan di muka bumi dan mengingkari segala ajaran para nabi dan rasul.